

B Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul. **2**


berkunjung	bermain	menaiki
mengutip	halaman	memberi

- 1 Amisha mengajak jirannya, Kumar berkongsi _____ teksi kerana mereka menuju ke tempat yang sama.
- 2 Puan Mi Hua mengizinkan _____ rumahnya dijadikan tempat parkir kereta untuk tetamu yang datang ke majlis perkahwinan jirannya.
- 3 Punitha saling _____ ke rumah jiran-jirannya ketika hari perayaan.
- 4 Sarina _____ jirannya menaiki teksi yang ditahannya terlebih dahulu kerana jirannya itu sudah terlambat ke tempat kerja.
- 5 Ganesh dan rakan-rakannya menyuruh kanak-kanak di situ _____ di gelanggang yang teduh manakala mereka bermain di gelanggang yang lain.

 Bulatkan kebaikan daripada tindakan yang dilakukan.  3

- 1 Sahara akan pulang ke kampung selama seminggu. Dia mengizinkan jirannya untuk meletakkan kenderaan di ruang letak keretanya.
A Jiran Sahara dapat meletakkan keretanya di tempat yang selamat.
B Kereta jiran Sahara akan menghalang laluan kenderaan orang lain.
- 2 Delina mempelawa jiran mandi di rumahnya kerana paip di rumah mereka bocor.
A Jirannya pasti berasa kurang selesa dengan pelawaan Delina.
B Jirannya pasti berasa terharu dan berterima kasih dengan pelawaan Delina.
- 3 Amar ternampak anak jirannya hanya memerhatikan kanak-kanak bermain di padang permainan. Dia dengan senang hati mengajak anak jirannya itu bermain kereta mainan kawalan jauh bersama-samanya.
A Amar dapat berkongsi kegembiraan bermain bersama-sama anak jirannya itu.
B Anak jiran Amar hanya mampu memerhati kanak-kanak di situ bermain.
- 4 Hujan turun dengan lebat. Aryan dan adiknya memakai baju hujan dan menggunakan dua kaki payung. Jiran mereka pula berjalan pulang ke rumah di dalam hujan. Mereka memberikan sekaki payung milik mereka kepada jiran mereka itu.
A Jiran mereka sampai ke rumah dalam keadaan basah lencun.
B Jiran mereka hanya basah sedikit ketika sampai ke rumah.

E Padankan gambar dengan jawapan yang betul. 5 6



(a)

Ah Seng membantu keluarga Encik Jasni memasak juadah untuk majlis perkahwinan anaknya.



(b)

Suraya memberikan tempat duduknya kepada jirannya, Pak Cik Ramu ketika berada di dalam bas awam.



(c)

Ghani dan kawan-kawannya memberi laluan kepada kumpulan lain bermain terlebih dahulu kerana terdapat sebuah gelanggang sahaja di situ.



(d)

Semangat bertoleransi dapat dilihat semasa musim perayaan kerana semua kaum dapat sama-sama merayakannya.